

# Palapes Pamer Tarian Perang

Oleh: Muhamad Irfan Kamaruddin



Sebahagian daripada anggota Palapes UMS yang baru selesai membuat persembahan di dataran Pangkalan TLDM Sepangar.

ISNIN, 8 APRIL - Tarian Latihan Pegawai Simpanan perang yang dipersembahkan (Palapes) Universiti Malaysia oleh 64 pegawai kadet Pasukan Sabah (UMS) mendapat

sorakan dan tepukan gemuruh daripada anggota tentera dan pengunjung luar yang hadir pada Hari Terbuka Angkatan Tentera Malaysia (MCVD).

Pasukan yang diketuai oleh PKKPL, Ahmad Izzuwan Ismail itu membuat persembahan di dataran Pentas Utama Pangkalan TLDM Sepangar di hadapan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Aman dan Panglima Wilayah Laut II, Laksamana Muda Datuk Pahlawan Mohamad Rosland Omar.

Menurut pengurus pasukan yang juga jurulatih Palapes UMS, Leftenan M. Rasyad Suwardi, penglibatan pasukan Palapes UMS dalam acara tersebut adalah

bagi menggantikan pasukan Markas 5 Briged yang sedang bertugas dalam Ops Daulat di Lahad Datu.

Beliau juga memberitahu disiplin, kerjasama dan kesefahaman yang dipupuk sesama pegawai kadet membolehkan persembahan itu mencapai hasil di luar jangkaan walaupun latihan hanya dijalankan empat hari sebelum hari kejadian. Kesempatan untuk beraksi kali pertama dalam sebuah acara penting ATM selama dua hari berturut-turut ini ialah suatu pengalaman yang mengujakan bagi pasukan tersebut.